

Bukan pencerobohan

Mohan perjas syak wasangka penduduk konon zon penampun diceroboh

PUCHONG - Tiada pencerobohan berlaku di zon penampun (buffer zone) di antara Jalan TPP 1/1 dengan Jalan Sri Puchong 5E, Taman Sri Puchong seperti yang didakwa penduduk sebelum ini.

Ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Mohan Singh Surtar Singh berkata, kerja pemotongan pokok yang dilihat penduduk di kawasan itu sebenarnya dilaksanakan MPSJ.

Katanya, tindakan penebangan pokok terpaksa dilakukan kerana hasil pemeriksaan dan

Saya nafikan dakwaan dibuat Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang memaklumkan sebanyak 50 pokok ditebang secara haram di kawasan itu. MPSJ yang lakukan kerja pembersihan semak-samun di situ dan tiada pencerobohan berlaku." - Mohan

pemerhatian pihak berkuasa tempatan (PBT) mendapati terdapat pokok tua yang dikhuatiri akan tumbang pada bila-bila masa serta membahayakan keselamatan orang awam.

"Saya nafikan dakwaan dibuat Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang memaklumkan sebanyak 50 pokok ditebang secara haram di kawasan itu.

"MPSJ yang lakukan kerja pembersihan semak-samun di situ dan tiada pencerobohan berlaku," katanya yang menggesa

pihak berkenaan menyasiat terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tuduhan atau fitnah.

Terdahulu akhbar ini melaporkan penduduk di Taman Sri Puchong di sini, mengesyaki zon penampun (buffer zone) di antara Jalan TPP 1/1 dengan Jalan Sri Puchong 5E, Taman Sri Puchong dicerobohi pihak tidak dikenali sejak beberapa minggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 7, Datuk Inder Singh Beant Singh dalam kenyataannya berkata,

Penduduk dakwa zon penampun diceroboh



PUCHONG - Penduduk di Taman Sri Puchong di sini mengesyaki zon penampun (buffer zone) di antara Jalan TPP 1/1 dengan Jalan Sri Puchong 5E, Taman Sri Puchong dicerobohi pihak tidak dikenali sejak beberapa minggu lalu. Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 7, Datuk Inder Singh Beant Singh berkata, sebanyak 50 pokok ditebang di kawasan itu. Penduduk di sini syak ada yang tak kena kerana pokok ditebang satu demi satu secara haram. Inder Singh yang juga Ketua Bahagian MYPPP Puchong memohon PBT dan ahli majlis terlibat mengambil tindakan segera termasuk memberi saman kepada penceroboh dan memarah balik pihak yang cuba ditebang. "Ada bahagian tertentu di kawasan zon penampun dah diceroboh dan dipagar પણ tidak dikenali, saya minta pihak bertamuan dan kerajaan tempatan datang tepus dan ambil tindakan segera," katanya. Sementara itu, Pengerusi JPP Zon 1 Lawrence Chiew memohon PBT segera membenahi...

Laporan Sinar Harian, 5 Ogos lalu.

sebanyak 50 pokok ditebang dipercayai secara haram di kawasan zon penampun tersebut.

Penduduk dakwanya mengesyaki ada yang tak kena apabila satu demi satu pokok ditebang dan mendakwa kerja pemotongan pokok bertujuan meratakan zon penampun bagi keamanan sendiri tanpa izin daripada PBT.

INFO
● Dakwaan JPP bahawa 50 pokok ditebang secara haram tidak

benar

● Pokok ditebang melibatkan pokok tua oleh MPSJ kerana bimbang faktor keselamatan